



"1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : J.Pel.Pk(ICT)1227/15/1/16 Jld 16(47)
Tarikh : 28 Februari 2013

Semua Pengetua / Guru Besar
Sekolah Menengah / Rendah negeri Perak Darul Ridzuan

Tuan,

SURAT SIARAN PERINGATAN PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL JAWATANKUASA ICT (JKICT) JABATAN PELAJARAN PERAK BAGI NILAI PEROLEHAN PERALATAN ICT SEKOLAH KURANG DARI RM50,000.00

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa berdasarkan Surat Pekeliling ICT Bilangan 1 Tahun 2009 – Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Inisiatif ICT Bahagian dan Agensi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, sebarang perolehan peralatan (perkakasan atau perisian) ICT sekolah mestilah mendapat kelulusan teknikal terlebih dahulu daripada jawatankuasa tertentu mengikut had nilai yang ditetapkan.

3. Penggunaan sumber peruntukan bantuan persekolahan untuk tujuan ini mestilah selaras dengan peraturan dan prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa. Pihak sekolah dinasihatkan merujuk Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012 – Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan Ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid bertarikh 20 Disember 2012 (berkuatkuasa 01 Januari 2013) sebelum membuat perolehan.

4. Semua sekolah diminta berhati-hati dalam menguruskan peruntukan kewangan bantuan persekolahan yang diterima supaya tidak melanggar peraturan-peraturan kewangan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan (AP), Tatacara Sistem Pengurusan Kewangan dan Akaun Sekolah, Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan dan Kewangan serta peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa.

5. Sekiranya berlaku pelanggaran peraturan ini, pihak yang bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan surcaj atau tatatertib seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan penalti di bawah Perenggan 13, Peraturan-peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 2002, Akta Pendidikan 1996. Sekolah pula akan menerima Sijil Audit Berteguran daripada pihak audit dan hilang kelayakan untuk memenangi anugerah kecemerlangan.

6. Sekolah yang ingin membuat permohonan perolehan peralatan ICT diminta mengemukakan permohonan awal yang lengkap menggunakan borang JPICT-JPN dan dihantar ke urus setia JKICT, Sektor Pengurusan Maklumat (ICT), Jabatan Pelajaran Perak untuk semakan serta pertimbangan kelulusan. Mesyuarat JKICT akan diadakan empat (4) kali setahun mengikut takwim yang dijadualkan oleh jabatan.

7. Sehubungan itu, pihak sekolah diminta mengambil perhatian mematuhi prosedur yang telah ditetapkan dan merujuk kepada panduan yang disediakan meliputi perkara-perkara berikut :

- i) Syarat-syarat Dalam Menimbang dan Melulus Perolehan ICT Agensi-agensi di Bawah Jabatan Pelajaran Negeri – Lampiran 1
- ii) Skop Perolehan ICT Yang Memerlukan Kelulusan Teknikal – Lampiran 2
- iii) Had Nilai Inisiatif ICT Yang Memerlukan Kelulusan Teknikal JTICT, JPICT atau JKICT– Lampiran 3
- iv) Tatacara Perolehan Peralatan ICT Sekolah Harian – Lampiran 4
- v) Carta Alir Permohonan Kelulusan Teknikal – Lampiran 5
- vi) Takwim Mesyuarat JKICT-JPN Tahun 2013 – Lampiran 6
- vii) Contoh Borang JPICT-JPN – Lampiran 7
- viii) Contoh Borang PPKP – Lampiran 8
- ix) Contoh Laporan Perolehan JKICT-JPN – Lampiran 9


8. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi pegawai bertanggungjawab Puan Siti Balkis Binti Abdul Hamid di talian 05-501 5202. Pihak tuan juga boleh merujuk laman sesawang jabatan di alamat URL <http://www.pelajaranperak.gov.my> untuk mendapatkan maklumat lanjut.

9. Kerjasama serta keperihatinan pihak dalam hal ini sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(HAJI MOHD IDRIS BIN HAJI RAMLI, PMP.,AMP.)

Timbalan Pengarah Pelajaran Perak

b.p Pengarah Pelajaran Negeri Perak

- s.k :
- i) Semua Pegawai Pelajaran Daerah, negeri Perak
 - ii) Fail Timbul